

# **KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

## **CADANGAN UNTUK MENAIKKAN KADAR ELAUN KERJA LUAR WAKTU PEJABAT (OUT OF HOURS ALLOWANCE) BAGI DOKTOR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN**

### **1.0 TUJUAN**

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk menaikkan kadar ‘Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa’ (EKL WBB) bagi doktor-doktor di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

### **2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Selain daripada menjalankan tugas harian mengikut waktu pejabat, doktor-doktor Kerajaan mempunyai tugas yang perlu dijalankan di luar waktu biasa pejabat. Ini melibatkan doktor di semua Hospital dan klinik kesihatan di Kementerian-Kementerian Kesihatan, Pendidikan dan Pertahanan. Tugasan ini adalah untuk memastikan pesakit sentiasa mendapat pemeriksaan dan rawatan dari seorang doktor jika mereka jatuh sakit atau mengalami kecederaan di waktu luar waktu biasa pejabat.

Doktor yang bertugas di luar waktu biasa adalah mengikut giliran berdasarkan berapa ramai doktor yang ada di satu-satu Jabatan dan mengikut hari-hari tertentu, termasuk hari cuti umum dan cuti perayaan. Seorang doktor yang bertugas di luar waktu biasa perlu berada di tempat di mana dia boleh di hubungi dengan mudah dan supaya dia dapat hadir dengan segera apabila dipanggil bagi merawat pesakit yang datang. Pada kebanyakan masa, doktor-doktor ini sentiasa berada di hospital menjalankan tugas di atas panggilan ini.

- 2.2 Seringkali dia tidak dapat melakukan lain-lain keperluan hidupnya kerana perlu bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa. Pada masa yang sama, dia mungkin tidak dapat tidur semalam sekiranya pesakit yang mengalami kecemasan datang berterusan ataupun jika dia berhadapan dengan kes kritikal/teruk yang memerlukan perhatian secara intensif. Keadaan ini melibatkan hidup atau mati pesakit tersebut. Setelah tamat bertugas di atas panggilan pada hari tersebut, doktor berkenaan akan meneruskan kerja seperti biasa pada keesokan harinya. Ini bermakna bahawa doktor ini akan bertugas selama 32 jam secara berterusan.
- 2.3 Kita juga sedia maklum, beban kerja di hospital-hospital kerajaan adalah lebih tinggi dari hospital swasta. Di samping itu, kami juga dapati kebanyakan kes-kes yang kritikal dari hospital swasta akan dirujukkan ke hospital kerajaan kerana mempunyai kepakaran dan kelengkapan yang lebih baik.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

3.1 Oleh kerana bidang tugas yang sedemikian rupa, maka adalah wajar doktor kerajaan diberi insentif yang bersesuaian dalam bentuk imbuhan kewangan yang layak baginya. Pada tahun 1994, kerajaan telah mula membayar EKL WBB kerana mengiktiraf pentingnya tugas yang dilaksanakan oleh doktor kerajaan. Ini berlaku selepas 12 tahun para doktor meminta untuk elaun tersebut.

Dalam hal ini, pertimbangan juga perlu diambil kira bagi penugasan yang dilakukan pada cuti hujung minggu dan hari-hari kelepasan umum. Doktor yang bertugas terpaksa meletakkan kepentingan masyarakat umum melebihi daripada keperluan peribadi dan keluarganya. Amat wajarlah kadar elaun EKL WBB ini dipertimbangkan untuk dinaikkan kepada paras yang lebih wajar.

3.2 Kerajaan telah meningkatkan elaun tersebut pada tahun 2000 dan sekali lagi pada tahun 1 hb Jun 2005.

3.3 Walaupun begitu, pada bulan Februari 2008, kerajaan telah mengumumkan bayaran tugas lebih masa bagi pegawai perubatan yang bertugas di pesakit luar sebanyak RM80 sejam. Jika dibandingkan dengan pegawai perubatan yang bertugas atas panggilan aktif iaitu bertugas lebih dari 16 jam berterusan maka kadar bayaran elaun bagi pegawai perubatan di hospital yang bertugas atas panggilan perlulah dikaji semula dan diberikan kadar bayaran yang bersesuaian.

3.4 Kami juga rasa bahawa bayaran elaun pada pakar hendaklah melebihi daripada elaun yang dibayar kepada Pegawai Perubatan. Ini adalah untuk mendapat kepakaran mereka. Ini telah memberikan mereka kelebihan untuk memberikan mutu kerja yang lebih tinggi untuk para pesakit.

## 5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan supaya kadar elaun yang sedia dikaji semula adalah merupakan satu keperluan dalam menghargai tugas yang dijalani oleh para doktor. Perbezaan kadar yang ketara ini boleh menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan para doktor dan perlu dikaji semula dan diberikan kadar yang bersesuaian, sudah pastinya ianya akan memberikan daya saing untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan.
- 5.2 Secara langsung, dengan adanya kadar baru seperti di lampiran 1, akan menguatkan semangat para doktor untuk bekerja dengan lebih tekun memandangkan tugas mereka adalah diluar batas masa disebabkan sistem calling yang berbeza iaitu on ‘active call’ dan ‘passive call’.

## 6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Professional dipohon untuk menimbangkan kenaikan kadar bayaran ELK WBB dengan mengambil kira perbezaan di

antara Pegawai Perubatan dan Doktor Pakar, iaitu sebanyak RM40.00 setiap jam bagi Pegawai Perubatan dan RM60.00 setiap jam bagi Doktor Pakar. Kenaikan kadar juga disyorkan bagi Pegawai Perubatan Siswazah sebagai memberi insentif untuk khidmat yang mereka berikan di dalam tempoh latihan dan penyesuaian.

## LAMPIRAN 1

### KADAR BARU ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKL WBB)

|   | Kadar Semasa                 | Kadar yang disyor |         |
|---|------------------------------|-------------------|---------|
|   | Pegawai<br>Perubatan<br>(RM) | Pakar<br>(RM)     |         |
| Elaun tugas kerja berterusan selama 16 jam sehari<br>(Hari bekerja penuh & separuh)   | 150.00                       | 640.00            | 960.00  |
| Elaun tugas kerja berterusan selama 16 jam sehari<br>(Cuti mingguan & cuti umum)  | 170.00                       | 720.00            | 1200.00 |
| Elaun bersedia atas panggilan dan dipanggil<br>bertugas lebih daripada 4 jam<br>(Hari bekerja penuh & separuh)  | 90.00                        | 160.00            | 240.00  |
| Elaun bersedia atas panggilan dan dipanggil<br>bertugas lebih daripada 4 jam<br>(Hari hujung minggu & cuti umum)  | 100.00                       | 200.00            | 320.00  |
| Elaun bersedia atas panggilan dan tidak dipanggil<br>bertugas atau jika bertugas kurang daripada 4 jam<br>pada hari berkenaan<br>(Hari bekerja penuh & separuh)   | 50.00                        | 100.00            | 160.00  |
| Elaun bersedia atas panggilan dan tidak dipanggil<br>bertugas atau jika bertugas kurang daripada 4 jam<br>pada hari berkenaan<br>(Hari hujung minggu & cuti umum) | 55.00                        | 120.00            | 240.00  |
| Elaun tugas kerja luar waktu bekerja bagi pegawai<br>Perubatan Siswazah<br>(Hari bekerja penuh & separuh)   | 100.00                       | 240.00            |         |
| Elaun tugas kerja luar waktu bekerja bagi pegawai<br>Perubatan Siswazah<br>(Hari hujung minggu & cuti umum)   | 110.00                       | 360.00            |         |